



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/6/2021	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pasang pagar elektrik elak serangan gajah liar di Kemaman

KEMAMAN - Kerajaan akan membantu memasang pagar elektrik bagi mengatasi serangan gajah liar yang merosakkan hasil tanaman rancangan tanah berkelompok (RTB) diusahakan 200 peserta di Kampung Ban Ho, Cherul dan Kampung Air Putih di daerah ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, kos pemasangan pagar elektrik yang dianggarkan sebanyak RML7 juta akan disalurkan melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) serta dijangka dimulakan tahun depan.

"Masalah serangan gajah liar disedari sejak hujung Mei lalu dan terbaharu berlaku dua minggu lalu di kawasan ini.

"Seramai lapan peserta projek RTB yang mengusahakan tanaman pisang dan nanas menanggung kerugian setelah tanaman musnah akibat serangan gajah," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Sementara itu, katanya, Perhilitan Terengganu merekodkan sebanyak 180 ekor gajah liar dikesan berkeliranan setakat ini.

Katanya, haiwan berkenaan sering muncul di lokasi kebun berhampiran kawasan hutan kerana gemarkan umbut kelapa dan kelapa sawit.

"Beberapa langkah bagi mengatasi serangan gajah sudah diambil sebelum ini seperti pemasangan pagar elektrik dan lampu LED.

"Selain itu, tindakan halau dan tangkap gajah untuk dipindahkan ke Taman Negara," ujarnya.



Kerosakan tanaman peserta RTB di Kampung Ban Ho, Cherul akibat diserang gajah liar.